

PM temui Blair ketika lawat Britain

BH 3 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menemui Perdana Menteri Britain, Tony Blair dalam lawatan 10 harinya ke Britain mulai esok.

Perdana Menteri, yang akan diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, juga akan mengadakan pertemuan dan berdialog dengan kumpulan intelek dan profesional Islam, anggota Persatuan Malaysia-United Kingdom dan pelajar Malaysia di Manchester.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, Dr Mahathir akan menghadiri dua persidangan, satu daripadanya ialah Persidangan Perkongsian Malaysia-Britain Bagi Abad

ke-21 dan akan menyampaikan ucap utamanya.

Persidangan itu, yang diadakan sempena mesyuarat tahunan Majlis Perniagaan Malaysia-Britain, dianjurkan bersama oleh Institut Strategi Dan Kepimpinan Asia (Asli) dan Asia House London.

Kira-kira 60 pemimpin sektor perniagaan Malaysia dijangka menghadiri persidangan peringkat tinggi itu yang akan dibuka oleh Setiausaha Negara Bagi Perdagangan Dan Industri Britain Stephen Byers.

Dr Mahathir juga dijadualkan menghadiri majlis makan malam Kerajaan Britain di Lancaster House yang bersejarah itu bersem-

pena persidangan berkeajaan.

Antara pemimpin sektor perniagaan Malaysia yang akan menghadiri persidangan itu dan mesyuarat Majlis Perniagaan Malaysia-Britain ialah Tan Sri Azman Hashim, Pengerusi kumpulan bank Arab-Malaysia, Datuk Radzi Mansor, pengerusi Telekom Malaysia Bhd dan Tan Sri Francis Yeoh, pengarah urusan YTL Corporation.

Satu lagi persidangan yang akan dihadiri oleh Perdana Menteri bertajuk 'Malaysia Di Alaf Baru' anjuran Persatuan Universiti Cambridge Malaysia.

Dr Mahathir dijangka pulang pada 12 Oktober. – Bernama.